

Rumah runtuh masuk sungai

Tiga beranak bernasib baik kejadian berlaku selepas lima minit keluar



ROBOH...keadaan sebahagian rumah Siti Nor Shamima yang roboh ke dalam tebing sungai.

JITRA: "Kira-kira lima minit selepas kami keluar rumah, saya mendapat panggilan yang memaklumkan rumah kami runtuh ke dalam sungai," kata Siti Nor Shamima Zulkafli, 18, yang nyaris maut bersama suaminya, Mohd Shafari Shukur, 25, dan anak lelaki mereka berusia satu setengah tahun apabila rumah mereka yang terletak di tebing Sungai Pelubang, Kampung Pelubang, di sini, runtuh ke dalam sungai itu, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi itu, tiga beranak itu baru lima minit meninggalkan rumah berkenaan untuk membeli barang keperluan harian di pekan Kepala Batas, di sini.

"Panggilan daripada abang itu cukup mengejutkan. Apabila kami berpatah balik saya terkejut apabila hanya bahagian ruang tamu yang tinggal, manakala bahagian lain sudah 'hilang'.

"Mujur kami tergerak hati untuk keluar pada waktu itu, jika tidak entah apa akan jadi kepada keluarga saya," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Tinjauan Harian Metro di lokasi kejadian semalam mendapati separuh daripada

rumah mangsa runtuh sedalam hampir 20 meter ke tebing sungai itu.

Selain itu, sebahagian daripada kedai makan di sebelah rumah mangsa turut runtuh ke dalam tebing itu, manakala sebuah lagi rumah di situ mengalami keretakan serius.

Kejadian itu dipercayai berlaku akibat mendapan tanah di tebing sungai seluas kira-kira 10 meter itu berikutan dilanda banjir sejak 2 November lalu.

Siti Nor Shamima yang juga suri rumah berkata, akibat kejadian itu, hampir semua barangan seperti perabot dan peralatan elektrik baru dibeli musnah menyebabkan mereka kerugian besar.



SIMPATI...Rosmah melihat gambar dua anak Noraini (meriba anak) yang meninggal dunia akibat lemas dalam banjir.

Rosmah simpati tragedi dua beradik

POKOK SENA: "Saya tak sangka hari ini (semalam), kami menerima kunjungan orang besar dari jauh," kata Noraini Ilyas, 38, ibu kepada Nurul Nadia Mohamad Sukur, 13, dan Nurul Syafika, 9, yang lemas dalam banjir di Kampung Bukit Teriak, Mukim Telaga Mas, di sini, Rabu minggu lalu ketika menerima kunjungan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, di rumahnya di kampung itu, semalam.

Noraini, ibu kepada lima

anak itu ketika ditemui, berkata dia masih terkejut dengan kejadian itu, lebih-lebih kedua-dua mangsa adalah anak yang paling rapat dengannya.

Dalam kunjungan itu, Rosmah yang meluangkan masa kira-kira satu jam bersama keluarga itu turut menyampaikan sumbangan peribadi sebanyak RM3,000 kepada mereka selain menyampaikan ucapan takziah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang belum berkesempatan melawat mangsa

banjir atas faktor kesihatan.

Dalam kejadian itu, dua beradik berkenaan yang memboncong motosikal yang ditunggangi seorang rakan mereka terbabas ke dalam tali air ketika melalui jalan di kawasan itu sebelum hilang dibawa arus deras.

Mayat mereka dijumpai keesokannya kira-kira 50 meter dari tempat terjatuh.

Noraini berkata, beberapa hari sebelum kejadian itu dia sudah dapat berasakan sesuatu yang buruk bakal berlaku terhadap keluarganya.

Salur bantuan tanpa ambil kira ideologi politik

KUALA LUMPUR: Bantuan kerajaan pusat yang akan disalurkan kepada mangsa banjir melalui jawatankuasa khas tidak mengira perbezaan ideologi politik, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung.

Menurutnya, melalui jawatankuasa itu juga pihaknya akan bekerjasama dengan kerajaan negeri demi kebaikan semua.

"Sebab dalam isu banjir ia tidak mengira ideologi politik. Rumah siapa kena kita bantu. Itu paling penting.

"Kita tak nak dengar selepas ini ada mereka yang buat dakwaan tak dapat bantuan. Kita cuba untuk berlaku adil," katanya diminta mengulas penubuhan satu jawatankuasa khas itu, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin, mengarahkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan segera bagi menyalurkan bantuan yang boleh diberi kerajaan pusat dengan cepat untuk memudahkan mangsa banjir meneruskan kehidupan selepas banjir.

Jumlah mangsa berkurang

ALOR SETAR: Jumlah mangsa banjir di Kedah yang masih berada di pusat pemindahan sementara mencatat penurunan iaitu 22,829 mangsa membabitkan 56 pusat pemindahan banjir walaupun hujan lebat mulai turun, kira-kira jam 5 petang, semalam.

Kelmarin, jumlah mangsa dipindahkan ialah 31,782 mangsa membabitkan 83 pusat pemindahan di empat daerah negeri ini yang terjejas dengan bencana ber-

kenaan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah) ketika dihubungi berkata, tiga pusat pemindahan banjir di daerah Pokok Sena dan Pendang sudah ditutup selepas 1,245 mangsa pulang ke rumah masing-masing.

Beliau berkata, jumlah mangsa pemindahan di daerah Kota Setar juga menunjukkan penurunan iaitu daripada 21,116 orang ke-
pada 16,760 orang.

Abim rayu dana RM250,000

KUALA LUMPUR: Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) melancarkan kempen rayuan dana sebanyak RM250,000 yang diperlukan bagi membantu mangsa banjir di Kedah, Perlis dan Kelantan.

Presiden Abim, Dr Muhammad Razak Idris berkata, misi kemanusiaan itu digerakkan melalui Skwad Prihatin Abim yang juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terawal membantu mangsa banjir di negeri terbabit.

Menurutnya, misi kemanusiaan fasa pertama bermula pada 4 hingga 7 November diketuai Ketua Biro Tugas-Tugas Khas (Kesihatan Abim), Dr Mohd Saifullah Al Hany dan 30 sukarelawan Abim dari Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Kedah serta Perlis.

Sumbangan boleh dibuat ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad No. 14023010027432 atau melalui cek atas nama Angkatan Belia Islam Malaysia.

Pertanyaan lanjut hubungi Mohd Syakir di talian 013-3877722 atau Noraliza Effendy, 013-2128466/03-41084500.

Bantuan 200 sukarelawan

KUALA LUMPUR: Seramai 200 sukarelawan Barisan Nasional (BN), menyertai misi kemanusiaan untuk membantu mangsa banjir di utara tanah air dalam usaha meringankan beban ditanggung mangsa akibat bencana itu.

Kumpulan berkenaan terdiri daripada Rakan Muda, Gerakan Belia 4B, Majlis Belia Malaysia dan pergerakan Pemuda Umo, adalah kumpulan kedua yang dihantar untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir di Kedah dan Perlis.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim berkata, sukarelawan itu akan bersama-sama hampir 400 orang yang lain termasuk penduduk tempatan membantu mangsa banjir terutama selepas mereka dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

Kongsi derita

Superaya Corporation, Takaful Ikhlas, Adabi beri sumbangan

FOTO | Azhan Rosli

TABUNG BENCANA



Sumbangan boleh dihantar ke
Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur dan pejabat
cawangan atau cek atas nama
Tabung Bencana NSTP-Media Prima
Akaun Maybank : 514105-320757
(Sila tulis nama penuh dan alamat di belakang cek)



PRIHATIN...Norol (kiri) menyampaikan sumbangan peribadi Adabi kepada Mustapa, semalam.

>>Oleh **Maiamalina Mohamed Amin dan Aniza Zainudin**

am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Nasib malang menimpa mangsa banjir di Kedah dan Perlis terus mendapat perhatian syarikat korporat apabila Superaya Corporation Sdn Bhd (Superaya Corporation) dan Takaful Ikhlas Sdn Bhd (Takaful Ikhlas) masing-masing menyumbang RM20,000 serta RM15,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP)-Media Prima, semalam.

Turut menyerahkan sumbangan ialah Adabi Consumer Industries Sdn Bhd (Adabi) yang menyalurkan bantuan berbentuk barangan keperluan makanan bernilai RM30,000.

Eksekutif Perhubungan Awam dan Promosi Adabi, Norol Liza Zainal Abidin, berkata sumbangan berkenaan diharapkan dapat meringankan bebanan yang ditang-

gung mangsa banjir sejak 1 November lalu.

“Sememangnya sudah menjadi tradisi Adabi memberikan bantuan kepada orang ramai terutama apabila berlakunya bencana alam, malah kita turut memiliki tabung syarikat bagi sumbangan amal,” katanya ketika menyerahkan sumbangan kepada Pengarang Kumpulan Harian Metro/Metro Ahad, Datuk Mustapa Omar, di Balai Berita, di sini, semalam.

Sementara itu, sumbangan daripada pihak Superaya Corporation dan Takaful Ikhlas disampaikan kepada Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarulbaid Shahid. Hadir sama, timbalannya, Mahfar Ali.

Ketua Pegawai Eksekutif Superaya Corporation, Datuk Dr Jason Goh, berkata menjadi tanggungjawab pihaknya untuk menderma bagi meringankan penderitaan mangsa banjir, apatah lagi bencana berkenaan menyebabkan pelbagai kerosakan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Perancangan Korporat Takaful Ikhlas, Yushida Husin, berkata sumbangan itu adalah sebahagian daripada program di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya sejajar hasrat membantu masyarakat yang kesusahan.

Katanya syarikat itu turut menubuhkan pasukan sukarelawan khas untuk membantu mangsa bencana alam itu.

Individu dan organisasi yang mahu membantu mangsa banjir boleh menyalurkan sumbangan kepada nombor akaun Maybank 5141-0532-0757 dengan nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima dan dihantar ke Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur.

Ia juga boleh disalurkan melalui Maybank2u, pindahan dana di mesin juruwang automatik (ATM) dan Kawanku Phone Banking, mesin deposit tunai, mesin deposit cek dan kaunter Maybank.

Syabas tambah bekalan ke Kedah, Perlis

KUALA LUMPUR: Berikutan keperluan mendesak akibat bencana alam yang berlaku, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) menambah bekalan air bersih untuk semua mangsa banjir di Kedah dan Perlis menerusi misi bantuan kemanusiaan peringkat kedua yang dilancarkan semalam.

Bantuan peringkat pertama disempurnakan Jumaat lalu disertai sukarelawan termasuk 60 anggota Rejimen Pakar Pengendalian Air ke 60, Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), Askar Wataniah (AW) dan 15 anggota Rejimen Pakar Pengendalian Keretapi ke 50 RAJD (AW) serta 24 kakitangan



BANTU...Rozali (kanan) bersama Ariff ketika melancarkan misi kemanusiaan Syabas, semalam.

Syabas dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd.

Pengerusi Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali Ismail, berkata bagi misi kemanusiaan kedua, pihaknya menambah 10,000 lagi bekalan botol air minuman lima liter dan lima lori tangki air un-

tuk mangsa banjir.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Syabas, Datuk Ruslan Hassan; Ketua Pegawai Operasi Syabas, Datuk Ir Lee Miang Koi dan Pegawai Pemerintah Skuadron Selangor 60 RAJD (AW), Mejar Ariff Ibrahim.